

# Pameran haiwan di Tesco

**K**UALA LUMPUR: Sempena cuti sekolah ini, Zoo Negara mengadakan Kempen Pendidikan Binatang Liar yang menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk seisi keluarga di Tingkat satu Tesco Selayang, di sini.

Pengurus Pentadbiran Bersama Pejabat Zoo Negara, Tan Peh Tin, berkata orang ramai berpeluang menyaksikan haiwan seperti Burung Macaw, Burung 'African Grey', Ular Sawah, katak dan ikan yang dipamerkan pada kempen itu.

Beliau berkata, pameran itu dibuka kepada orang ramai dari jam 3 petang hingga 10 malam setiap hari bermula sehingga 16 Mac ini.

"Orang ramai boleh mengambil gambar dengan haiwan ini selain dapat mempelajari cara mendekati haiwan kerana staf kita akan berkongsi pengalaman mereka mengenai tabiat haiwan yang dipamerkan.

"Kita juga menyediakan kursus pendidikan supaya kanak-kanak dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai binatang liar selain menawarkan pakej lawatan sambil belajar untuk keluarga yang ingin melawat Zoo Negara," katanya dalam satu kenyataan.

Tan berkata, orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan lanjut boleh menghubungi staf Zoo Negara iaitu Wan Suhana di talian 019-3232528; Anita Tahir (013-2464469) atau Ahmad Fariq (016-2456743).

